

PROMOSI “KEMPEN TAHUN BARU CINA”

Dikemaskini pada 26 Januari 2018

TEMPOH PROMOSI

“Kempen Tahun Baru Cina” Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/ atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) terbuka kepada cawangan-cawangan HLB/HLISB; dan “Rumah Terbuka Cawangan Tahun Baru Cina” terbuka kepada cawangan-cawangan HLB sahaja seperti yang diperuntukkan dalam Lampiran 1 di bawah.

“Kempen Tahun Baru Cina” dan “Rumah Terbuka Cawangan Tahun Baru Cina” kedua-duanya secara kolektif disebut “Promosi” dan butir-butir lanjut Promosi adalah seperti berikut:

- (a) “Rumah Terbuka Cawangan Tahun Baru Cina” di 69 Cawangan Sertaan seperti yang tersenarai dalam Lampiran 1 di bawah (“Cawangan Terpilih”) dengan Rumah Terbuka 1 Hari antara 27 Januari 2018 dan 24 Februari 2018 (“Tempoh Rumah Terbuka”) seperti dinyatakan dalam Lampiran 1 di bawah, yang akan diadakan di Cawangan Terpilih mulai pukul 10:00:00 jam (10:00 pagi) hingga pukul 15:00:00 jam (3:00 petang); dan
- (b) “Kempen Tahun Baru Cina” di semua 285 Cawangan HLB dan HLISB yang akan diadakan mulai pukul 09:15:00 jam (9:15 pagi) hingga pukul 16:30:00 jam (4.30 petang) bermula pada 22 Januari 2018 hingggga 28 Februari 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Promosi”)

HLB dan HLISB secara kolektif dikenali sebagai “Bank”.

TERMA & SYARAT

(a) RUMAH TERBUKA CAWANGAN TAHUN BARU CHINA

(i) PROMOSI CASA

Promosi Akaun Semasa / Simpanan (“Promosi CASA”) terbuka kepada Cawangan Terpilih sahaja. Promosi CASA terdiri daripada Promosi Peruntuk CASA dan Peraduan “Putar & Menang” (bagi Pelanggan HLB sahaja) semasa Tempoh Rumah Terbuka seperti yang dijadualkan dalam Lampiran I.

KELAYAKAN

1. Promosi CASA terbuka kepada seluruh pelanggan individu warga Malaysia dan/atau bukan warga Malaysia yang merupakan pelanggan sedia ada yang mempunyai CASA yang sah dan/atau Pelanggan Baharu-kepada-Bank (“**Pelanggan HLB**”).

Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Baharu-Kepada-Bank bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA sedia ada dengan Bank sebelum Tempoh Rumah Terbuka dan membuka CASA baharu dengan Bank dalam Tempoh Rumah Terbuka di Cawangan Terpilih.

2. Promosi CASA hanya terbuka kepada Pelanggan HLB yang hadir di Cawangan Terpilih semasa Tempoh Rumah Terbuka.
3. Pelanggan HLB yang merupakan kakitangan Bank sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana pekongsi, wakil atau ejen Bank (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) **TIDAK** layak menyertai Promosi CASA.
4. Bagi tujuan Promosi CASA ini, deposit permulaan mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam CASA; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Rumah Terbuka yang didepositkan semula ke dalam CASA.
5. Yang berikut ini tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baharu”:

- (a) Deposit Tetap (“FD”) yang matang atau pengeluaran pramatang FD daripada mana-mana akaun FD HLB / Deposit Tetap (“FD-i”) HLISB yang sedia ada”);
- (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada CASA dan/atau CASA/i), FD, FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
- (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

KAEDAH

- 6. Untuk menyertai Promosi CASA ini, Pelanggan HLB mestilah datang ke Cawangan Terpilih semasa Tempoh Rumah Terbuka (“Pelanggan CASA Layak”).
- 7. Pelanggan CASA Layak berhak menyertai:-
 - (a) Promosi Peruntuk CASA dengan amaun minimum sebanyak RM 16,888.00 diperuntuk selama empat (4) bulan dalam CASA mereka untuk menebus satu (1) set 5 biji Glasslock (“Pemberian Peruntuk”); dan/atau
 - (b) Peraduan “Putar & Menang” jika Pelanggan CASA Layak dapat memenuhi kriteria (“Kriteria Peraduan”) yang ditetapkan dalam jadual di bawah.

Bil.	Kriteria Peraduan
1	Meletak deposit tetap promo (“FD”) baharu dengan amaun minimum RM 10,000.00
2	Membuka akaun CASA dengan deposit minimum RM 500.00 (bagi Pelanggan CASA Layak baharu)
3	Mendeposit amaun minimum RM 500.00 ke dalam CASA sedia ada mereka (bagi Pelanggan CASA Layak sedia ada)
4	Membelanjakan amaun minimum RM 30.00 dalam satu resit dengan Kad Debit Bank tiga (3) hari sebelum dan/atau dalam Tempoh Rumah Terbuka (Bukti resit mesti ditunjukkan di cawangan)

Nota: Deposit permulaan yang disediakan di Kriteria Peraduan No 1, 2 dan 3 mestilah Dana Baharu.

KAEDAH PROMOSI CASA PERUNTUK

- 8. Pelanggan CASA Layak mesti mendepositkan Dana Baharu dengan amaun minimum RM 16,888.00 untuk diperuntuk ke dalam CASA mereka selama empat (4) bulan dalam Tempoh Rumah Terbuka untuk layak menerima Pemberian Peruntuk.
- 9. Empat ratus (400) unit Set 5 Biji Glasslock disediakan bagi Promosi Peruntuk sepanjang Tempoh Rumah Terbuka. Pemberian Peruntuk adalah terhad dan atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Rumah Terbuka dan setiap Pelanggan CASA Layak hanya berhak menerima satu (1) Pemberian Peruntuk sahaja.
- 10. Pelanggan CASA Layak hanya boleh menebus Pemberian Peruntuk selepas Tempoh Rumah Terbuka di Cawangan Terpilih setelah diberitahu oleh Bank untuk datang mengambil Pemberian Peruntuk itu. Jika sekiranya Pelanggan CASA Layak tidak datang mengambil Pemberian Peruntuk itu selepas 30 Mac 2018, maka Pemberian Peruntuk itu akan dilupuskan dan sebarang pertikaian/permohonan untuk mendapat pembayaran ganti bagi Pemberian Peruntuk itu tidak akan dilayani Bank. Oleh itu pada dasarnya Pelanggan Bank wajib memberi maklumat hubungan terbaharu, sah dan terkemas kini (contohnya nombor telefon bimbit, alamat emel atau alamat surat-menyurat pos mereka) kepada Bank dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab seandainya Bank gagal memberitahu Pelanggan CASA Layak untuk mengambil Pemberian Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun.
- 11. Pelanggan CASA Layak yang tidak menerima pemberitahuan tersebut dianggap tidak berhak menerima Pemberian Peruntuk itu.

KAEDAH PERADUAN “PUTAR & MENANG”

- 12. Setiap Pelanggan CASA Layak hanya boleh mendapat satu (1) peluang dalam Peraduan “Putar & Menang” dan mesti memenuhi salah satu (1) Kriteria Peraduan seperti tersebut di atas.
- 13. Setiap Pelanggan CASA Layak akan memutar pada aplikasi “Cabutan Bertuah” pada tablet/iPad/telefon pintar yang disediakan di Cawangan-cawangan Terpilih sepanjang Tempoh Rumah Terbuka.

14. Setiap Pelanggan CASA Layak boleh memenangi satu baucar tunai KFC (“Baucar Tunai”) apabila skrin pada tablet/iPad/telefon pintar menunjukkan kemungkinan menang bagi baucar tunai KFC pelbagai nilai yang akan diputuskan oleh Bank (“Pelanggan Layak Putar & Menang”).
15. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak Putar & Menang dikehendaki menjawab **Dua** (2) soalan dengan betul sebelum boleh menebus Baucar Tunai KFC. Pelanggan Layak Putar & Menang yang dapat menjawab Dua (2) soalan dengan betul boleh menebus Baucar Tunai KFC pada masa itu juga di Cawangan Terpilih semasa Tempoh Rumah Terbuka (“Pemenang Putar & Menang”).
16. Dengan menyertai Peraduan Putar & Menang, maka Pemenang Putar & Menang dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat penggunaan Baucar Tunai yang dikenakan oleh syarikat pembekal berkenaan dan apa-apa pertanyaan atau pertikaian mengenai Baucar Tunai hendaklah diselesaikan antara Pemenang Putar & Menang dengan syarikat pembekal berkenaan tanpa meminta bantuan Bank.

(ii) PROMOSI DEPOSIT TETAP/-i 6 BULAN DAN 12 BULAN

Promosi Deposit Tetap/-i 6 bulan dan 12 bulan (“Promosi FD/-i”) terbuka kepada Cawangan Terpilih HLB sahaja dan bermula dari tarikh Tempoh Rumah Terbuka seperti terjadual dalam Lampiran I.

KELAYAKAN

17. Promosi FD/-i terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru dan sedia ada bagi Akaun Deposit Tetap/-i Hong Leong sertaan berikut sepertimana ditakrif menurut Fasal 19 di bawah (“Akaun FD/-i”) yang merupakan pelanggan individu HLB/HLISB warga Malaysia atau bukan warga Malaysia dan pelanggan bukan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan HLB”).
18. Bagi mengelakkan keraguan :
 - (a) Pemegang akaun baru bermaksud Pelanggan HLB yang tidak mempunyai sebarang Akaun FD/-i sertaan dengan HLB sebelum Tempoh Rumah Terbuka dan membuka satu Akaun FD/-i di Cawangan Terpilih semasa Tempoh Rumah Terbuka.
 - (b) Pelanggan HLB bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional, yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, tidak termasuk syarikat dan badan korporat.
19. Akaun FD/-i Sertaan adalah seperti berikut:-
 - (a) FD Konvensional;
 - (b) ‘Priority Banking Premium FD’;
 - (c) ‘Junior FD’;
 - (d) ‘Senior Savers Flexi FD’; dan
 - (e) Deposit Tetap-i
20. Pelanggan HLB yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Rumah Terbuka **TIDAK** layak menyertai Promosi FD/-i.
21. Pelanggan HLB yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi FD/-i.

KAEDAH PROMOSI

22. Pelanggan HLB yang telah membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan FD/-i Minimum dan Amaun Peletakan FD/-i Maksimum (“Amaun Peletakan FD”) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam Akaun FD/-i yang baru dan sedia ada masing-masing bagi Tempoh FD/-i yang ditetapkan di bawah semasa Tempoh Rumah Terbuka akan menikmati Kadar Faedah FD/-i Promosi seperti berikut (“Pelanggan FD/-i Layak”):

Tempoh FD/-i	Produk	Kadar Faedah FD/-i Promosi	Kadar Faedah FD/-i Efektif	Amaun Peletakan FD/-i Minimum	Amaun Peletakan FD/-i Maksimum
--------------	--------	----------------------------	----------------------------	-------------------------------	--------------------------------

6 bulan	FD Konvensional / 'Priority Banking Premium FD' / 'Junior FD' / 'Senior Savers Flexi FD' / Deposit Tetap-i	4.15% setahun	4.15% setahun	RM100,000	RM2,000,000
12 bulan	FD Konvensional / 'Priority Banking Premium FD' / 'Junior FD' / 'Senior Savers Flexi FD' / Deposit Tetap-i	4.35% setahun	4.35% setahun		

23. Amaun Peletakan FD/-i Minimum ialah **Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000)** dan Amaun Peletakan FD/-i Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000)**. Jika Amaun Peletakan FD/-i melebihi Amaun Peletakan FD/-i Maksimum yang ditetapkan, maka Amaun Peletakan FD/-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/-i Maksimum yang ditetapkan akan tertakluk kepada kadar FD/-i konvensional semasa.
24. Promosi FD/-i terbuka kepada Dana Baru sahaja. "Dana Baru" ditakrifkan sebagai:
- Wang tunai, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD/-i yang baru dan sedia ada Pelanggan FD/-i Layak; dan
 - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau 'Hong Leong Invest Safe' semasa Tempoh Promosi FD/-i yang dideposit semula ke dalam mana-mana CASA-i HLB / HLISB.
25. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai "Dana Baru":
- FD/-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/-i dari mana-mana akaun FD HLB / FD-i HLISB sedia ada;
 - Pindahan dana antara bank, iaitu pindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, Deposit Tetap, FD-i atau Akaun Pelaburan Am ("GIA")); dan
 - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
26. Pelanggan FD/-i Layak dikehendaki menamakan CASA-i yang dikekalkan dengan HLB di bawah nama Pelanggan FD/-i Layak ("CASA-i Namaan") bagi tujuan mengkreditkan faedah / keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi FD/-i ini.
27. Kadar faedah / keuntung yang diperolehi bagi FD Konvensional, 'Priority Banking Premium FD', 'Junior FD' dan Deposit Tetap-i akan dikreditkan ke dalam CASA-i Namaan Pelanggan FD/-i Layak pada setiap enam bulan, manakala kadar faedah yang diperolehi bagi 'Senior Savers Flexi FD' akan dikreditkan ke dalam CASA Namaan Pelanggan FD/-i Layak pada setiap bulan.
28. Apabila tarikh matang, Amaun FD/-i pokok akan diperbaharui secara aurtomatik pada kadar faedah semasa FD/-i masing-masing dan faedah / keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA-i Namaan Pelanggan FD/-i Layak pada setiap bulan.
29. Pengeluaran sebahagian Amaun FD/-i tidak dibenarkan bagi FD Konvensional dan Deposit Tetap-i. Tiada faedah / keuntungan akan dibayar sekiranya Amaun FD/-i bagi FD Konvensional dan / atau Deposit Tetap-i dikeluarkan sebelum tarikh matang Tempoh FD/-i masing-masing sepertimana ditakrif menurut Fasal 22 di atas. Bagi 'Junior FD', 'Priority Banking Premium FD' dan 'Senior Savers Flexi FD', tertakluk kepada Fasal 30 Terma & Syarat di dalam ini, pengeluaran sebahagian Amaun FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) sahaja**. Bagaimanapun, jika amaun dalam 'Priority Banking Premium FD' dan / atau 'Junior FD' dan / atau 'Senior Savers Flexi FD' kurang daripada **Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000)**, maka pengeluaran sebahagian bagi akaun berkenaan tidak dibenarkan.
30. Sekiranya Amaun FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan Persatuan Bank-bank di Malaysia ("ABM") terutamanya Seksyen E(v) akan dikenakan:-
- Kadar faedah tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun FD yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan.
 - Sekiranya FD dikeluarkan dalam bulan keempat (ke-4) dan ke atas, Pelanggan FD Layak akan menerima 50% daripada kadar faedah yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun pokok FD sahaja.

HLB berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan kadar faedah yang dibayar kepada Pelanggan FD Layak bagi Amaun FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang daripada Amaun Pokok FD semasa pengeluaran.

31. Pelanggan FD-i Layak bersetuju untuk mengetepikan haknya untuk menuntut Harga Jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang. Sekiranya amaun FD-i dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka peraturan pengeluaran pramatang yang berikut akan diguna pakai:
- (a) Keuntungan tidak akan dibayar bagi mana-mana Amaun FD-i yang dikeluarkan sebelum genap tiga (3) bulan;
 - (b) Sekiranya FD-i dikeluarkan dalam bulan keempat (4th) dan ke atas, maka Pelanggan FD-i Layak akan menerima 50% daripada keuntungan yang ditetapkan dan diperolehi bagi bulan-bulan genap atas Amaun pokok FD-i sahaja.

HLISB berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan FD-i Layak bagi Amaun FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang daripada Amaun pokok FD-i semasa pengeluaran.

32. Amaun FD-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan FD-i Layak.

(iii) PROMOSI PEROLEHAN KAD KREDIT

“Promosi Perolehan Kad Kredit” (“Promosi Perolehan Kad Kredit”) terbuka kepada Cawangan Terpilih HLB sahaja dan bermula pada tarikh Tempoh Rumah Terbuka seperti terjadual dalam Lampiran I.

KELAYAKAN

33. Promosi Perolehan Kad Kredit ini terbuka untuk penyertaan oleh Pemegang Kad Utama HLB Baharu-kepada-Kad (“NTC”) yang, semasa Tempoh Rumah Terbuka, memohon mana-mana kad kredit HLB sertaan (“Kad Layak”) berikut dari Cawangan-cawangan Terpilih dan Kad-kad Layak itu berjaya dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Mac 2018 (“Pemegang Kad NTC”).

Pilihan 1	Pilihan 2	Pilihan 3
Hong Leong MasterCard Gold Credit Card + Hong Leong Visa GSC Gold Credit Card	Hong Leong MasterCard Sutera Platinum Credit Card + Hong Leong Visa GSC Platinum Credit Card	Hong Leong Visa Infinite Credit Card

Bagi mengelakkan keraguan, untuk “Pilihan 1” dan “Pilihan 2”, kedua-dua Kad Layak itu mestilah diluluskan untuk membolehkan Pemegang Kad NTC layak menyertai Promosi Perolehan Kad Kredit ini.

Perhatian: Pemegang Kad NTC menandakan pemegang kad baharu yang tidak memegang apa-apa Kad Kredit Utama HLB sedia ada (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad) dan tertakluk kepada terma dan syarat seperti tersebut dalam Fasal 34 di bawah.

34. Yang berikut ini tidak boleh dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak menyertai Promosi Perolehan Kad Kredit ini:
- (a) Pemegang kad utama sedia ada bagi sebarang kad kredit HLB (termasuk Mach dan bekas EON Bank);
 - (b) Pemegang Kad NTC yang tidak lagi memegang sebarang kad kredit HLB yang sah dan/atau pemegang kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - (c) Pemegang Kad NTC yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk Kad Layak) sebagai pemegang kad utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
 - (d) Pemegang Kad NTC yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa atau selepas tarikh Tempoh Rumah Terbuka;
 - (e) Pemegang Kad NTC yang merupakan pelanggan individu bukan warga Malaysia; dan
 - (f) Pemegang Kad NTC yang merupakan kakitangan HLB/HLISB (sama ada secara tetap atau kontrak) atau ahli-ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) kakitangan itu.

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi maklumat terbaharu dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menyurat dan maklumat hubungan) kepada HLB untuk permohonan Kad Layak dan pada dasarnya Pemegang Kad NTC wajib menghubungi HLB jika tidak menerima Kad Layak yang diluluskan dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan, jika gagal berbuat demikian, maka Pemegang Kad NTC dianggap telah

menerima Kad Layak dan HLB tidaklah bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat menyertai Promosi Perolehan Kad Kredit ini atas apa jua sebab sekalipun.

KAEDAH KEMPEN

35. Pemegang Kad NTC adalah layak menikmati tawaran-tawaran berikut (“secara kolektif disebut ‘Tawaran’ di dalam ini”) dengan syarat kriteria yang ditetapkan di dalam ini (“Pemegang Kad Kredit”) dipatuhi:

(a) **Pengecualian Fi Tahunan (“Tawaran 1”)**

- i) Pemegang Kad Kredit Layak yang dalam masa **EMPAT PULUH LIMA (45) hari** dari tarikh kelulusan Kad Layak melakukan minimum s a t u (1) P e m b e l i a n Runcit (“seperti ditakrif dalam Fasal 36 di bawah”) bagi setiap Kad Layak diluluskan akan layak mendapat pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama bagi setiap Kad Layak
- ii) Fi tahunan bagi tahun-tahun seterusnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian fi tahunan sedia ada. Untuk butiran lanjut, sila semak halaman produk berkenaan di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”).

(b) **Pemberian Kelulusan (“Tawaran 2”)**

- i) Pemegang Kad Kredit Layak yang memohon serta mendapat Kad Layak yang diluluskan di bawah Promosi Perolehan Kad Kredit ini adalah layak menerima **SATU (1)** unit pemberian kelulusan (“Pemberian Kelulusan Kad Layak”).

Pemberian Kelulusan Kad Layak	Unit Dihadkan
Power Bank	680

- ii) Bagi mengelakkan keraguan, Pemberian Kelulusan Kad Layak akan diutamakan atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) Pemberian Kelulusan Kad Layak bagi setiap Pemegang Kad Kredit Layak sepanjang Tempoh Rumah Terbuka tanpa mengira bilangan permohonan yang dikemukakan dan bilangan Kad Layak yang diluluskan semasa Tempoh Rumah Terbuka, tertakluk kepada ketersediaan Unit Pemberian Kelulusan Kad Layak yang dihadkan (seperti diperuntukkan dalam jadual dalam Fasal 35(b)(i) di atas)
- iii) Bagi cawangan AMPM, Pemberian Kelulusan Kad Layak akan diberi kepada Pemegang Kad Kredit Layak yang berjaya selepas kelulusan Kad Layak diperolehi daripada HLB semasa sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina.
- iv) Bagi bukan cawangan AMPM, Pemberian Kelulusan Kad Layak akan disampaikan kepada bukan cawangan AMPM berkenaan antara dua (2) hingga empat (4) minggu selepas sambutan Rumah Terbuka Cawangan Tahun Baru Cina. Pemegang Kad Kredit yang berjaya hendaklah menebus Pemberian Kelulusan Kad Layak di cawangan berkenaan sebaik menerima khidmat pesanan ringkas (“SMS”) daripada syarikat penyedia perkhidmatan SMS Bank, iaitu M3 Technologies (Asia) Berhad (“M3 Tech”) dalam masa empat (4) hingga lapan (8) minggu dari tarikh permohonan Kad Layak. Jika tidak Pemegang Kad Kredit Layak yang berjaya akan dianggap telah menerima Pemberian Kelulusan Kad Layak dan sebarang permintaan pembayaran ganti Pemberian Kelulusan Kad Layak kepada HLB selepas 11 April 2018 tidak akan dilayani.
Pada dasarnya Pemegang Kad Kredit Layak berkewajipan untuk memberi nombor telefon bimbit yang terbaharu, sah dan tepat kepada Bank dan/atau M3 Tech tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad Kredit Layak tidak menerima pemberitahuan SMS tersebut atas apa jua sebab sekalipun

36. “Pembelian Runcit” bermaksud apa-apa pembelian runcit / dalam stor / transaksi dalam talian yang berjaya dicaj kepada Kad Layak yang diluluskan tetapi **TIDAK TERMASUK** mana-mana transaksi berikut:

- (a) Pengeluaran Tunai daripada mana-mana mesin ATM;
- (b) Produk Portfolio seperti Pindahan Baki, Call-For-Cash, Call-For-Cash Plus dan Pelan Bayaran Fleksi;
- (c) Pembalikan, bayaran balik dan transaksi berunsur penipuan; dan/atau
- (d) Caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan.

37. Bagi Pembelian Runcit yang dilakukan dalam mata wang asing, nilai belian itu akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran seperti yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya.

(iv) PROMOSI FD PREMIUM BIASA BANCASSURANCE

“Promosi FD Premium Biasa Bancassurance” (“Promosi Banca”) terbuka kepada Cawangan-cawangan Terpilih HLB sahaja dan bermula pada tarikh Tempoh Rumah Terbuka seperti yang terjadual dalam Lampiran I.

Promosi Banca ini hanya terbuka kepada kes-kes (yakni Produk-produk seperti tersebut dalam Fasal 39 di bawah) yang dikemukakan dalam masa 5 hari selepas tarikh **Tempoh Rumah Terbuka** dan mestilah membawa kepada penghasilan selewat-lewatnya 20 hari kalendar selepas tarikh **Tempoh Rumah Terbuka**.

KELAYAKAN

38. **Promosi Banca** terbuka kepada seluruh pelanggan HLB baharu dan sedia ada termasuk pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan Banca**”) yang, semasa Tempoh Rumah Terbuka, memohon mana-mana Produk sertaan seperti tersebut dalam Fasal 39 di bawah dan menjelaskan **Premium Perniagaan Baharu** dengan **Saiz Premium Tahunan minimum** bagi Produk-produk sertaan berkenaan seperti tersebut dalam jadual yang disediakan dalam Fasal 42 di bawah dalam masa 20 hari kalendar selepas Rumah Terbuka Cawangan Tahun Baru Cina (“Pelanggan Banca Layak”).
39. Produk-produk sertaan bagi Promosi Banca ini adalah **Hong Leong SMART Cash Insurance, Prestige Life, Hong Leong SMART5 Insurance** dan **Hong Leong SMART Value Insurance** (secara kolektif disebut “**Rangkaian Produk**” dan secara individu disebut “**Produk**”) yang semuanya ditaja jamin oleh insurser, Hong Leong Assurance Berhad (“**HLA**”).
40. Bagi mengelakkan keraguan:-

“**Premium Perniagaan Baharu**” bermaksud premium tahun pertama yang dijelaskan bagi pembelian mana-mana Produk itu;

“**Saiz Premium Tahunan**” bermaksud jumlah amaun premium dijelaskan setiap tahun dengan minimum Ringgit Malaysia Enam Ribu (RM6,000) bagi Hong Leong SMART Cash Insurance dan Prestige Life dan Sepuluh Ribu (RM10,000.00) bagi Hong Leong SMART5 Insurance dan Hong Leong SMART Value Insurance.
41. Pelanggan Banca Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan Rangkaian Produk dan/atau mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank, bank-bank lain atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufilsan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Rumah Terbuka **TIDAK** layak menyertai Promosi Banca.

KAEDAH

42. Pelanggan Bank Layak yang meletak deposit FD dalam akaun FD sedia ada atau akaun FD baharu mereka dengan HLB dalam amaun yang ditetapkan bagi Produk-produk berkenaan semasa Tempoh Rumah Terbuka bagi Tempoh FD berhak menikmati faedah FD Promosi Banca yang ditetapkan di bawah (“**Pelanggan Bank Berkelayakan**”):

Produk	Saiz Premium Tahunan	Amaun Peletakan Deposit Tetap (“FD”)*	Faedah FD Promosi Banca
<u>Kumpulan A</u> <ul style="list-style-type: none"> • Hong Leong SMART5 Insurance • Hong Leong SMART Value Insurance 	Minimum RM10,000	Berasas 1 ke 1 hingga maksimum RM24,000	FD 2 Bulan (“Tempoh FD”) Faedah FD pada kadar efektif 8.88% setahun Dihadkan kepada 1,600 pertama Pelanggan Banca Berkelayakan sahaja (berasaskan setiap pelanggan)
<u>Kumpulan B</u> <ul style="list-style-type: none"> • Hong Leong SMART Cash Insurance • Prestige Life 	Minimum RM6,000		

*Perhatian: Deposit tetap dan insurans layak dilindungi oleh PIDM.

43. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian Faedah FD Promosi Banca ini adalah atas dasar siapa cepat dia dapat, dan dihadkan kepada satu ribu enam ratus (1,600) pertama Pelanggan Banca Berkelayakan.
44. Pelanggan Banca Layak hanya boleh membuat peletakan FD setelah insurser, HLA memberi kelulusan bagi Produk-produk yang dimohon dan selepas luputnya tempoh bertenang lima belas (15) hari kalendar sebaik sahaja polisi insurans

itu berjalan kuat kuasa. Surat pemberitahuan akan dihantar oleh HLA kepada Pelanggan Banca Layak dan Pelanggan Banca Layak dikehendaki membawa surat Pemberitahuan itu kepada mana-mana cawangan HLB sebagai bukti kelayakan untuk menikmati Faedah FD Promosi Banca supaya boleh melakukan peletakan FD, jika gagal berbuat demikian maka Pelanggan Banca Layak dianggap tidak berkelayakan menyertai Promosi Banca ini dan pada dasarnya Pelanggan Banca Layak berkewajipan mendapatkan surat Pemberitahuan tersebut daripada HLA / untuk memberitahu HLA sekiranya Pelanggan Banca Layak tidak menerima surat Pemberitahuan tersebut daripada HLA, dan HLB tidak bertanggungjawab terhadap ketidakterimaan surat Pemberitahuan itu oleh Pelanggan Banca Layak atas apa jua sebab sekalipun.

45. Bagi mengelakkan keraguan, HLB akan menjadikan surat Pemberitahuan itu sebagai panduan untuk memastikan kelayakan Pelanggan Banca Layak untuk membuat peletakan FD mereka masing-masing dengan HLB.
46. Setiap Pelanggan Banca Berkelayakan hanya berhak menikmati Faedah FD Promosi Banca untuk satu (1) kali sahaja (sama ada dalam akaun FD individu di bawah nama Pelanggan Banca Berkelayakan sahaja atau akaun FD bersama apabila Pelanggan Banca Berkelayakan adalah Pemegang Akaun FD Utama) tanpa mengira bilangan Produk yang dilanggan sepanjang Tempoh Rumah Terbuka. Bagi akaun FD bersama, hanya akaun FD bersama apabila Pelanggan Banca Layak (seperti tersebut dalam surat Pemberitahuan) adalah Pemegang Akaun FD Utama, berhak menikmati Faedah FD Promosi Banca.
47. Jika sekiranya Produk dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa dalam Tempoh FD peletakan FD, maka Pelanggan Banca Berkelayakan tidak layak menikmati Faedah FD Promosi Banca. Dalam hal sedemikian, kadar FD konvensional semasa bagi Tempoh FD itu akan dikenakan dari tarikh peletakan FD.
48. Faedah FD Promosi Banca di bawah Promosi Banca ini akan dikreditkan ke dalam akaun semasa atau simpanan ("CASA") namaan Pelanggan Banca Berkelayakan pada tarikh matang Tempoh FD. Tokokan faedah kepada peletakan FD permulaan tidak dibenarkan.
49. Pada tarikh matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar FD konvensional semasa. Pengeluaran separa FD semasa Tempoh FD tidak dibenarkan.
50. Pengeluaran FD hanya boleh dibuat di cawangan asal bank yakni di cawangan tempat peletakan FD itu dibuat.
51. Jika sekiranya FD ditarik balik sebelum tarikh matang Tempoh FD berkenaan maka tiada faedah yang akan dibayar bagi mana-mana FD yang dikeluarkan.
52. Jika kemudiannya didapati Pelanggan Banca Berkelayakan tidak memenuhi mana-mana atau kesemua Terma & Syarat di bawah Promosi Banca, maka HLB berhak menolak balik dan memotong Faedah FD Promosi Banca tambahan yang dikreditkan sebelum ini daripada CASA namaan Pelanggan Banca Berkelayakan. Pelanggan Banca Berkelayakan akan diberitahu oleh HLB melalui surat sebelum Faedah Promosi FD ditolak balik dan dipotong daripada CASA namaan Pelanggan Banca Berkelayakan.
53. Promosi Banca ini TIDAK sah bersama promosi sedang berjalan yang ditawarkan oleh HLB bagi Rangkaian Produk itu dari semasa ke semasa.

PENAFIAN INSURANS

Dokumen/T&S ini tidak bertujuan sebagai jemputan atau tawaran untuk langganan insurans mahupun permintaan untuk langganan insurans oleh HLB daripada sesiapa. Pelanggan dinasihati untuk membaca dan memahami kandungan brosur produk/polisi kontak sebelum mendaftar.

***NOTA PENTING:**

PRODUK INSURANS INI ADALAH BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. PELANGGAN MESTI MENILAI PILIHAN MEREKA DENGAN BERHATI-HATI AND MEMUASKAN HATI MEREKA DI MANA PELAN PELABURAN BERKAIT SESUAI DENGAN SELERA RISIKO MEREKA, DAN PELANGGAN MAMPU MENANGGUNG PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN PADA BILA-BILA WAKTU, ADALAH DINASIHATKAN SUPAYA PELANGGAN MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "TOP UPS". PULANGAN DANA PELABURAN BERKAIT ADALAH TIDAK DIJAMIN.

Pelanggan yang tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Pasaran Modal dan Akta Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak dipanjangkan kepada Pelanggan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian wang disebabkan penyelewengan atau penipuan salah guna duit dan hartanah lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil HLB.

Produk di atas adalah dilindungi oleh Hong Leong Assurance Berhad (HLA). HLA adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian manfaat yang dilindungi di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh HLA adalah dilindungi daripada kerugian sebahagian atau seluruh manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya kegagalan ahli pemberi insurans berlaku. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan skop liputan, sila dapatkan brosur informasi PIDM daripada HLA atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

b) KEMPEN TAHUN BARU CINA

(i) PROMOSI PEMBIAYAAN-i HARTANAH

54. Promosi Pembiayaan Hartanah/-i terbuka kepada pelanggan individu Bank warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang telah memohon Kemudahan Sertaan baharu dalam Tempoh Promosi (“Pelanggan Pembiayaan Hartanah”). Untuk mendapat Pemberian Terimaan dan menyertai Peraduan Hadiah Utama Pembiayaan Hartanah (“Peraduan Pembiayaan Hartanah”) seperti dinyatakan dalam Fasal 58 dan Fasal 61, Pelanggan Pembiayaan Hartanah dikehendaki memohon kemudahan baharu di bawah mana-mana produk pinjaman/pembiayaan terpilih yang berikut seperti tersenarai di bawah dengan amaun kemudahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) sahaja (“Kemudahan Sertaan”) semasa Tempoh Promosi dan menerima Kemudahan Sertaan tersebut dengan menandatangani Surat Tawaran pada atau sebelum 15 Mac 2018 (“Tarikh Terimaan”):-
- Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong;
 - Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong; atau
 - Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Rumah/Kedai).
- (“Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak”).
55. Promosi ini terbuka kepada Kemudahan Sertaan bagi tujuan untuk pembiayaan semula serta juga pembiayaan belian hartanah kediaman dan bukan kediaman yang sudah siap atau sedang dibina.
56. Bagi mengelakkan keraguan, dalam hal pemohon bersama, nama yang mula-mula tertera dalam rekod Bank akan merupakan pemohon utama (“Pemohon Pembiayaan Hartanah Utama”). Bagi tujuan Promosi ini, hanya Pemohon Pembiayaan Hartanah Utama sahaja akan layak mendapat Pemberian Terimaan dan menyertai Peraduan Pembiayaan Hartanah ini.
57. Pada dasarnya Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak berkewajipan menyediakan dokumen-dokumen berkenaan yang dikehendaki Bank untuk membolehkan Bank meluluskan Kemudahan Sertaan pada masa yang tepat. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kemudahan Sertaan ditolak atau Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak tidak dapat menerima Surat Tawaran pada atau sebelum Tarikh Terimaan, atas apa jua sebab sekalipun (termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen-dokumen tidak memadai untuk meluluskan Kemudahan Sertaan)

KAEDAH

(A) PEMBERIAN TERIMAAN

58. Terdapat tiga (3) jenis Caltex StarCash yang akan dibahagikan kepada Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak mengikut amaun pembiayaan Kemudahan Sertaan (secara kolektif disebut “Pemberian Terimaan”).
59. Pemberian Terimaan yang disediakan adalah seperti berikut:

Bil.	Amaun Pembiayaan	Caltex StarCash
i.	RM300,000 - < RM500,000	RM68
ii.	RM500,000 - < RM800,000	RM108
iii.	RM800,000 ke atas	RM128

60. Untuk menerima Pemberian Terimaan, Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak perlu menebus perkara yang tersebut dari Bank dan melaksanakan Borang Akaun Penebusan Terimaan selepas menerima Kemudahan Sertaan tersebut dengan menandatangani Surat Tawaran, jika tidak Pemberian Terimaan akan dilucuthakkan dan sebarang rayuan bagi pembayaran balik Pemberian Terimaan tidak akan dilayan oleh Bank.

(B) PERADUAN HADIAH UTAMA PEMBIAYAAN HARTANAH

61. Tiga (3) Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak juga akan berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Utama iaitu Caltex StarCash bernilai RM2,888 (Dua Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lapan Ringgit Malaysia) (“Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah”) dengan menyertai Peraduan Pembiayaan Hartanah ini.
62. Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak berhak menerima bilangan Penyertaan Peraduan Pembiayaan Hartanah (“Penyertaan Peraduan”) yang tertera di bawah ini berdasarkan yang kriteria berikut:-

- i. Hartanah kediaman dan/atau bukan kediaman yang telah siap

Transaksi Yang Melayakkan	Bilangan Penyertaan Peraduan
Setiap RM10,000 daripada jumlah amaun pembiayaan yang dilulus dan diterima bagi mana-mana Kemudahan Sertaan	20 Penyertaan

- ii. Hartanah kediaman dan bukan kediaman yang sedang dibina

Transaksi Yang Melayakkan	Bilangan Penyertaan Peraduan
Setiap RM10,000 daripada jumlah amaun pembiayaan yang dilulus dan diterima bagi mana-mana Kemudahan Sertaan	10 Penyertaan

63. Bank akan menjejaki Kemudahan Sertaan dan/atau Penyertaan Peraduan berasaskan transaksi yang tercatat dan terparap dalam sistem Bank. Cara dan bagaimana Bank menjejaki dan mengenal pasti Kemudahan Sertaan dan/atau Penyertaan Peraduan tidak boleh dipersoalkan dan segala keputusan yang dibuat oleh Bank menurut sistem penjejakan itu adalah muktamad.
64. Sebuah agensi pengurusan peraduan pihak ketiga, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“Dynamic Search”), berpangkalan di Petaling Jaya, Selangor akan dilantik oleh Bank untuk menguruskan pemilihan Peserta Layak Yang Ditapis.
65. Sepuluh (10) Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak (secara kolektif disebut di dalam ini sebagai “Peserta Layak Ditapis”) akan dipilih secara rambang pada penghujung Tempoh Promosi dan akan dihubungi oleh Dynamic Search atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak seperti terdapat dalam sistem Bank SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi soal jawab untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpentas.

Maka, Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak bertanggungjawab untuk menyediakan nombor mudah alih mereka yang sah, sah dan tepat dengan Bank dan Bank dan/atau Dynamic Search tidak akan bertanggungjawab sekiranya Dynamic Search tidak dapat mencapai Peserta Layak Ditapis atas apa jua sebab.

66. Jika Peserta Layak Ditapis / Pelanggan Pembiayaan Hartanah Layak gagal menjawab telefon selepas lima (5) deringan atas apa jua sebab sekalipun, maka Peserta Layak Ditapis dianggap telah terlepas peluang menang dan Dynamic Search akan mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Peserta Layak Ditapis jika perlu.
67. Peserta Layak Ditapis tidak akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka pemenang Peraduan Pembiayaan Hartanah sebaik selesai sesi Soal Jawab itu.
68. Tiga (3) Peserta Layak Ditapis yang dapat menjawab paling banyak soalan dalam masa terpantas akan diumumkan sebagai pemenang (“Pemenang Hadiah Utama”). Jika sekiranya berlaku seri, Dynamic Search akan menghubungi Peserta Layak Ditapis dan Peserta Layak Ditapis akan ditanya satu (1) soalan pematah seri dan peserta yang dapat menjawab soalan itu dengan betul dalam masa terpantas akan menjadi Pemenang Hadiah Utama.
69. Jika Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Layak Ditapis (untuk tujuan Fasal 68 di atas) selepas 2 percubaan atau Peserta Layak Ditapis gagal menjawab telefon selepas lima (5) deringan atas apa jua sebab sekalipun, Peserta Layak Ditapis akan dianggap telah terlepas peluang memenangi Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah.
70. Akaun Kemudahan Sertaan Pemenang Hadiah Utama mestilah kekal aktif dan tidak ditamatkan atau tertunggak, jika tidak Pemenang Hadiah Utama akan terlucut kelayakannya daripada memenangi Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah.
71. Pemenang Hadiah Utama akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon atau penyiaran nama Pemenang Hadiah Utama dalam laman web Bank di www.hlb.com.my atau www.hlisb.com.my tidak lewat daripada 31 Mac 2018.
72. Jika Peserta Layak Ditapis tidak menerima pemberitahuan melalui surat, panggilan telefon atau penyiaran dalam laman Bank pada atau sebelum 31 Mac 2018, mereka dianggap BUKAN pemenang Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah.

73. Untuk menebus Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah, Pemenang Hadiah Utama Peraduan Pembiayaan Hartanah dikehendaki menebus perkara tersebut daripada Bank dari Bank dan melaksanakan Borang Aduan Penebusan Terimaan Hadiah Utama pada atau sebelum 12 April 2018, jika tidak Pemberian Terimaan akan dilucuthakkan dan sebarang rayuan bagi pembayaran balik Pemberian Terimaan tidak akan dilayan oleh Bank.
